

Pengurusan ibadah haji Malaysia **terbaik**

U/M. 9/2/14 MS 2


LEMBAGA Tabung Haji (**TH**) adalah satu-satunya badan yang dipertanggungjawabkan di bawah Akta 535, Akta Parlimen, dalam segala urusan berkaitan dengan jemaah haji Malaysia, bermula daripada persiapan awal hinggalah mereka selamat berangkat pergi dan balik dari Tanah Suci menunaikan fardu haji.

Pada setiap awal tahun Hijrah, **TH** akan membuat perancangan bermula dengan sesi-sesi percambahan fikiran dan penilaian operasi dalam kalangan para petugas haji tahun sebelumnya. Ini bagi membolehkan setiap pengalaman dan maklum balas semua pihak termasuk daripada jemaah haji, dinilai dan digunakan sebagai asas untuk menambah baik perkhidmatan di musim haji yang mendatang.

Pelaksanaan urusan haji secara keseluruhan adalah meliputi aspek bimbingan jemaah haji, penyediaan petugas haji, penyediaan prasarana dan logistik Tanah Air dan Tanah Suci, serta penyelarasan dengan pihak-pihak berkuasa di Malaysia dan di Arab Saudi, serta agensi-agensi yang berkenaan.

Selain memastikan urusan dan perkhidmatan haji yang diberikan untuk para jemaah adalah kekal terbaik. Proses haji terbahagi kepada dua bahagian iaitu Urusan Haji Tanah Air dan Urusan Haji Tanah Suci, seperti tertera dalam gambar rajah di sebelah.

Pengurusan haji di Tanah Air yang melibatkan bakal haji secara langsung dapat dirangkum dalam lapan aktiviti utama iaitu pendaftaran, pemilihan kelayakan,



bimbingan, pemeriksaan kesihatan, pengurusan pasport, jadual penerbangan, urusan visa, dan operasi penerbangan haji.

Manakala, pengurusan haji di Tanah Suci melibatkan aktiviti iaitu sambutan, ketibaan, pengangkutan, kemudahan penginapan, sajian, khidmat nasihat ibadah, perkhidmatan kewangan dan kesihatan, aduan dan penerangan, khidmat kaunseling, pengurusan jemaah haji yang menunggal dunia, urusan keberangkatan serta operasi penerbangan balik.

Perkhidmatan **TH** ini telah diiktiraf dan memperoleh sijil ISO 9001:2008 dan menjadi platform kepada **TH** untuk melaksanakan penambahbaikan berterusan kepada pengurusan dan operasi haji demi kebajikan jemaah haji Malaysia serta meningkatkan kredibiliti serta profesionalisme **TH** di peringkat lokal dan global.

Di samping itu juga, Perkhidmatan Talian Ibadah (TAIB) yang diperkenal sejak Musim Haji 1433H, adalah antara inisiatif **TH** dalam meningkatkan perkhidmatannya kepada para jemaah.

Lokasi penginapan yang disediakan para jemaah adalah selesa dengan jarak berdekatan dengan Masjidil Haram, Makkah dan Masjidil Nabawi, Madinah. Pada musim haji ini, sejumlah tujuh Maktab dan sembilan bangunan/hotel disediakan di Makkah. Manakala, di Madinah pula sejumlah tiga bangunan/hotel disediakan untuk para jemaah.

Selain daripada itu, perkhidmatan perubatan dan rawatan serta klinik-klinik juga disediakan di setiap Maktab untuk para jemaah; perkhidmatan kaunter-kaunter bagi transaksi simpanan.



pengeluaran, kutipan dam dan qurban serta bayaran badal haji; perkhidmatan bimbingan dan kaunseling serta perkhidmatan penyajian makanan.

Sejajar dengan visi dan misinya, **TH** sentiasa beriltizam dan komited memberikan perkhidmatan berterusan dalam membantu memudah dan menyempurnakan urusan jemaah haji negara agar mereka memperoleh haji yang mahruq.

PANDUAN BAGI BAKAL HAJI MEMBUAT PERSIAPAN DI RUMAH

Bakal haji dinasihatkan supaya:

- Menulis maklumat diri pada semua beg yang mereka bawa seperti nama dan alamat lengkap, nombor telefon, penerbangan dan pasport.
- Menyediakan wang perbelanjaan secukupnya dengan menukar sedikit wang Saudi Riyal di mana-mana bank atau pengurup wang (dalam anggaran SR1,500).
- Bagi yang menghidap penyakit tertentu dan memerlukan ubat atau peralatan khas hendaklah membawanya sendiri dalam beg sandang berserta dengan surat doktor, dan baki ubat diletak dalam begasi besar.

Terdapat beberapa peraturan yang perlu dipatuhi oleh jemaah haji, iaitu:

- Larangan pihak syarikat penerbangan supaya penumpang tidak membawa alatan tajam (seperti pisau, gunting dan sebagainya) di dalam beg bimbit kecil (*hand luggage*).
- Tatacara berhubung dengan cara membawa barang-barang cecair seperti aerosol atau gel, yang tidak melebihi 100 milimeter (ml) (hendaklah dibungkus dalam plastik khas, dengan jumlah kesemuanya tidak melebihi 1,000 ml).
- Larangan Kerajaan Arab Saudi supaya bakal haji tidak membawa bahan bercetak / risalah politik yang mempunyai propaganda tertentu serta tidak membawa barang dagangan untuk tujuan perniagaan.
- Peraturan Kementerian Kewangan supaya penumpang penerbangan yang hendak membawa mata wang tunai (dalam apa juga mata wang) yang nilainya berjumlah melebihi AS\$10,000, hendaklah mengisi borang pengisytiharan.

Sebelum berangkat, bakal haji harus:

- Memastikan lokasi, tarikh dan waktu mereka melaporkan diri (sama ada di Lapangan Terbang atau di Kompleks **TH**) seperti mana yang terdapat pada Surat Jadual Penerbangan(SJP).
- Membawa bersama Surat Jadual Penerbangan (tinggalkan keratan sebelah bawah SJP tersebut kepada waris di Malaysia)
- Membawa bersama Buku Rekod Rawatan.
- Memakai Lencana Pengenalan Diri dan Gelang Pengenalan Haji (GPH) yang **TH** bekalkan ketika melaporkan diri dan sepanjang masa berada di Tanah Suci.

